

KEMASUKAN PENGARUH AL-ALBANI DI ACEH, INDONESIA

THE ENTRY OF AL-ALBANI'S INFLUENCE IN ACEH, INDONESIA

Lukman hakim bin Nurdin¹, Mohd Arif bin Nazri² dan Najah Nadiah Binti Amran³

^{1 2 3} Jabatan Quran Sunnah, Fakulti pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Email: Lukman_perlis87@yahoo.com_ /Tel: 0182811913

Article history

Received date : 1-09-2021

Revised date : 5-09-2021

Accepted date : 1-10-2021

Published date : 1-11-2021

To cite this document:

Nurdin, L. H., Nazri, M. A., & Amran, N. N. (2021).
Kemasukan Pengaruh Al-Albani Di Aceh,
Indonesia. *Journal of Islamic, Social, Economics
and Development (JISED)*, 6(41), 156 - 173.

Abstrak: Aceh merupakan sebuah wilayah di Indonesia yang sangat konservatif dan masih berpegang teguh dengan tradisi pengajian pondok dan juga sangat menentang sebarang aliran pemikiran yang bernuansa salafi dan menolak secara total apa sahaja bentuk pengaruh dan fahaman yang tidak selari dengan fahaman pondok tradisional, yang dibawa masuk oleh bekas-bekas pelajar Aceh di timur tengah. Artikel ini bertujuan membincangkan pengenalan tentang kronologi kemasukan pengaruh Shaykh Muhammad Nāsir al-Dīn al-Albānī ke Aceh dan mengkaji proses kemasukan pengaruh beliau, serta membincangkan bagaimana pengaruh tersebut disebarkan sehingga diterima oleh sebahagian agamawan tempatan dan masyarakat awam. Reka bentuk kajian yang digunakan adalah secara kualitatif iaitu kajian kepustakaan dengan metode menganalisis dokumen. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kemasukan pengaruh salafi dan Shaykh al-Albānī secara khusus ke Aceh mengalami beberapa peringkat yang bermula dengan kemasukan awal pengaruh salafi iaitu sebelum kemerdekaan Indonesia, kemudian berterusan selepas kemerdekaan Indonesia sehingga kajian ini dilakukan. Selain itu dapatan kajian ini juga menunjukkan bahawa pengaruh beliau tersebar ke Aceh melalui gerakan yang dipelopori oleh DDII (Indonesian Islāmic Dakwah Council), LIPIA (Lembaga Ilmu Pengetahuan Islām dan Arab), melalui institusi pendidikan, dan beberapa tokoh salafi Indonesia iaitu bekas pelajar Indonesia termasuk yang berasal dari wilayah Aceh yang menuntut ilmu agama di timur tengah dengan Shaykh al-Albānī atau melalui murid beliau. Setelah menamatkan pengajian, mereka kemudiannya kembali ke Indonesia dan menyebarkan pengaruh pemikiran guru mereka ke tanah air yang banyak berkisar tentang Hadīth, baik dari segi semakan terhadap status hadīth mahupun amalan keagamaan yang mesti bertepatan dengan hadīth.

Kata Kunci: Pengaruh al-Albānī di Aceh, Indonesia, pengaruh muhaddith aliran salafi, Kemasukan pemikiran al-Albānī di Aceh, Pengajian ilmu hadīth di Aceh, Pengikut salafi di Aceh.

¹ Pelajar sarjana di jabatan al-Qurān dan al-Sunnah, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.

² Pensyarah kanan di jabatan al-Qurān dan al-Sunnah, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi dan merupakan penyelia utama.

³ Pensyarah kanan di jabatan al-Qurān dan al-Sunnah, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi dan merupakan penyelia bersama.

Abstract: Aceh is a province in Indonesia that is very conservative and still cling to the traditional Islamic school methodology in understanding Islam and also strongly opposed any school of thought that the nuanced by Salafism, and totally reject any form of influence and ideology that are not matched with the traditional Islamic school methodology which was brought in by the former Acehnese students in middle east. This article aims to examine the entry process of Shaykh al-Albāni 's influence to Aceh, Indonesia chronologically and the impact of his influences on Muslims living in Aceh. The research design is qualitative as it employs library research and textual analyses. The findings of the study have discovered the influence of Shaykh al-Albāni to Indonesia has several stages beginning with the entry of salafi movement before the independence of Indonesia. it is showed that the influence of Shaykh al-Albāni in Aceh was initiated by the Dewan Dakwah Islāmiyah Indonesia (DDII), Islāmic and Arabic College of Indonesia (LIPIA) through education, and also by salafi followers from Aceh who studied Islām in the Middle East. After graduation, they returned home and spread thoughts of their teachers mostly on Hadīth in particular, they emphasize on scrutinizing the statuses of hadīth. They strictly follow hadīth guidance textually and reject opinions that are baseless from Islāmic sources.

Keywords: Protection, Rights of the Elderly, Islamic Law, Imam Al-Ghazali's Theory. The influence of al-Albani in Aceh, Indonesia. the influence of the muhaddith of the salafi sect, the Entry al-Albani's thought in Aceh, Salafi followers in Aceh.

Pengenalalan

Ketokohan seseorang akan berkubur tanpa pengikut yang menyebarkan pemikiran tokoh yang mereka ikuti. Terdapat ramai tokoh yang terbilang pada zaman dahulu dan nama mereka masih disebut-sebut sehingga ke hari ini. Namun pengikut mereka sudah berkurang atau tidak mempunyai pengikut pada masa sekarang ini seperti mazhab al-Thauri dan al-Dhahiri⁴. Shaykh al-Albāni juga tidak terlepas daripada hal tersebut. Murid dan pengikut beliau menyebarkan pemikiran dan ilmu beliau dalam kalangan masyarakat Islām dunia termasuk ke wilayah Aceh, Indonesia. Murid-murid beliau datang dari segenap pelosok dunia termasuk dari Indonesia. Shaykh al-Albāni merupakan salah seorang tokoh yang amat penting dalam aliran salafi. Beliau mendapat tempat dalam kalangan pengikut aliran salafi setaraf dengan ulama'-ulama' salafi lainnya yang sezaman seperti Ibn Baz dan Ibn Uthaīmīn. Beliau merupakan tokoh hadīth yang disegani dan disanjung tinggi dan pengaruh beliau berkembang pantas sehingga ke Indonesia⁵. Pengikut-pengikut dan agamawan-agamawan yang berfahaman salafi menggesa agar masyarakat membuat semakan terhadap hadīth yang tersebar dalam kalangan mereka. Antara penyebab lain adalah melalui pendidikan yang banyak menengahkan pengajian dan kajian berkaitan hadīth dalam sistem pendidikan mereka. Tajaan daripada pihak yang sealign dengan al-Albāni juga menjadi antara penyebab kemasukan pengaruh al-Albāni melalui beberapa peringkat iaitu sejak awal kemunculan pengaruh salafi di tanah Hijaz diikuti oleh peringkat setelah Indonesia mencapai kemerdekaan sehinggalah pada masa kini⁶.

⁴ Hamdan Amri (2009), *Penyelesaian paham salafi di NAD (Nanggroe Aceh Darussalam)*. Lhokseumawe: Cv:Berkat. h.39

⁵ Abd Karim (2013), *Peran al-Albani dalam tashhih dan tadh'if hadis (penerimaan terhadap al-Albani dalam kalangan pondok pesantren tradisional di Indonesia)*. Jakarta: serambi ilmu. h.52-53.

⁶ Faqihuddin (2009), *Fenomena penetapan status hadith oleh aliran modern*, Jakarta Timur: Pustaka al-Kauthar. h.56-58.

Kajian yang berbentuk kepustakaan ini bertujuan mengkaji pengaruh yang dibawa masuk ke Aceh, Indoneisa dan kesan-kesanya. Kajian kepustakaan ialah cara pengumpulan data dengan membuat kajian terhadap buku-buku, jurnal-jurnal, literatur-literatur dan laporan-laporan yang berkait rapat dengan persoalan yang akan dikaji⁷. Oleh itu penulis mengumpulkan buku-buku yang berkaitan dengan kronologi dan proses kemasukan pengaruh pemikiran al-Albāni ke Indonesia.

Pengaruh Awal Salafi di Indonesia

Pengaruh Shaykh al-Albāni di Indonesia mengalami perkembangan yang agak unik, iaitu bermula sejak sebelum kelahiran atau kemunculan beliau lagi atau lebih dikenali sebagai pra-pengaruh dan ianya melalui dua peringkat yang penting⁸. Peringkat pertama adalah pada kurun ke 18 seiring dengan kemunculan dan perkembangan gerakan Shaykh Muhammad Bin Abdul Wahhāb yang dinilai mempunyai pemikiran yang sama dengan pemikiran Shaykh al-Albāni. Penyebaran pengaruh pemikiran tersebut bermula dengan perjalanan sekumpulan pemuda berangkat untuk melakukan ibadah haji di tanah suci di Mekah. Setelah melaksanakan ibadah haji mereka tidak terus kembali ke Minangkabau, Sumatera barat. Namun membuat keputusan untuk menuntut ilmu di tanah Hijāz sehingga tempoh tiga tahun⁹. Pada masa tersebut perkembangan pengaruh Shaykh Muhammad bin Abdul Wahhab telah tersebar dan meluas di seluruh tanah Hijaz, mereka yang dikenali sebagai Haji Miskin, Haji Abdurrahman, dan Haji Muhammad Arif menuntut ilmu agama dari pada beberapa tokoh agama berfahaman salafi yang berada di tanah Hijāz pada zaman tersebut. Kemudian para jamaah haji tersebut kembali ke Minangkabau (sekarang berada dalam wilayah Indonesia) berusaha untuk menyebarkan ilmu dan idologi yang meraka pelajari di tanah hijaz. Gerakan dakwah tersebut pada mulanya diketuai oleh Tuanku Nan Tuo yang telah lebih dahulu terpengaruh dengan pemikiran salafi dan dianggotai oleh ketiga-tiga mereka yang berpusat di sebuah tempat bernama Koto Tuo Ampek Angkek Candung dan kemudian diteruskan kepimpinan gerakan dakwah tersebut oleh Tuanku Imam Bonjol yang berasal dari Bonjol, Sumatra Barat. Gerakan yang digiatkan oleh mereka yang berfahaman salafi juga dikenali sebagai gerakan Paderi yang berjaya dalam perjuangan mereka dari tahun 1803 sehingga tahun 1832 dan diiktiraf dalam sejarah Indonesia sebagai penentang penjajahan belanda pada ketika itu¹⁰.

Manakala peringkat kedua pra-pengaruh Shaykh al-Albāni adalah seiring dengan munculnya tokoh-tokoh salafi di negara-negara Arab terutamanya yang berasal dari Mesir seperti Shaykh Jamāl al-Dīn al-Afghāni, Shaykh Muhammad Abduh, dan Shaykh Rasyīd Ridhā¹¹. Mereka juga disebutkan sebagai tokoh pembaharuan yang mengajak ummat Islām untuk meninggalkan perkara-perkara bidāh, khurafat, dan taklid buta dalam amalan agama¹². Hal-hal tersebut banyak diperbincangkan dalam dakwah salafi serta kewajiban berpegang dengan manhaj salaf seperti mana yang telah dibawa oleh Nabi SAW dan para sahabat, dan menyeru ummat Islām agar meningkatkan ilmu dalam pelbagai bidang termasuk teknologi modern agar ummat Islām tidak ketinggalan dan dapat bersaing dengan masyarakat dunia lainnya. Corak pemikiran

⁷ M. Nazir (2003), *Metode Penelitian*. Jakarta: Ghalia Indonesia. h.23

⁸ Ubaidillah (2012), *Global salafism dan pengaruhnya di Indonesia*. Indonesia: Jurnal Thaqafiyat. Vol. 13 No.1 h.6-7

⁹ Sufyan(2014) *mengikuti manhaj salaf dan salafi*:pustaka islami surabaya, hal 23

¹⁰ *Ibid*, h. 41-50

¹¹ Faizah, 2012. *Intisari ajaran salafi di Indonesia (satu analisa kemasukan pengaruh pemikiran tokoh-tokoh salafi di nusantara)*. Yogyakarta: jurnal dakwah. Vol.5. No. h. 4

¹² *Ibid*, h. 5

seperti yang dibawa tersebut juga adalah sama dengan cara Shaykh al-Albāni berfikir dan bersesuaian dengan dakwah beliau. Aliran pemikiran pembaharuan ini kemudiannya berkembang ke pelbagai negara Arab termasuk ke tanah hijāz, yang telah menerima kemasukan jemaah haji yang berasal dari pelbagai daerah di Indonesia yang tidak kembali ke negara asal sejurus setelah selesai musim haji, namun mereka memustuskan untuk menuntut ilmu di negara ini setelah menunaikan selama beberapa tahun dan kemudiannya kembali ke Indonesia untuk menyebarkan fahaman dan pengaruh salafi yang mereka peajari tersebut di Negara asal mereka iaitu Indonesia¹³.

Berdasarkan fakta sejarah di atas pengaruh Shaykh al-Albāni di Aceh dan Indonesia secara amnya Indonesia bermula dengan kemasukan pengaruh salafi terlebih dahulu yang dicetuskan oleh beberapa tokoh salafi Negara arab yang kemudain dibawa masuk oleh pelajar-pelajar yang menuntut ilmu di sana yang berasal dari jamaah haji. Dapat disimpulkan juga bahawa pengaruh salafi penting dalam memahami dan mengkaji pengaruh Shaykh al-Albāni kerana kewujudan aliran salafi di Indonesia merupakan faktor utama berlakunya penerimaan terhadap pengaruh Shaykh al-Albāni kemudiannya yang dianggap sebagai antara tokoh utama dalam mencorakkan aliran salafi itu sendiri khususnya aliran salafi moden.

Tahap Perkembangan Pengaruh Al-Albāni Di Indonesia.

Tahap seterusnya adalah lebih penting, kerana peringkat ini adalah seiring dengan rancaknya penyebaran pengaruh Shyakh al-Albāni di Negara-negara Arab terutamanya di Syria. Tahap ini dapat dibahagikan kepada tiga iaitu seperti berikut:

Pasca Kemerdekaan Indonesia

Tahap pertama adalah setelah Indonesia mencapai kemerdekaan pada tahun 1945 yang juga zaman pemerintahan orde lama (zaman pemerintahan Presiden Sukarno). Pada peringkat ini pengaruh tokoh-tokoh salafi mula mengambil tempat dalam kalangan agamawan yang pernah menuntut ilmu agama di Timur Tengah. Fenomena tersebut disebabkan oleh hubungan bilateral dan diplomatik antara Indonesia dan Negara-negara Arab sudah terjalin tetapi masih dalam peringkat permulaan. Penghantaran pelajar untuk menuntut ilmu di Negara-negara Arab masih agak kurang. Namun dalam tempoh masa yang singkat hubungan diplomatik semakin membaik dan kesedaran masyarakat untuk menuntut ilmu di timur tengah terbuka lebih luas¹⁴.

Perkara ini dikuatkan lagi dengan pengiktirafan dan dukungan negara-negara Arab khususnya Arab Saudi dan Mesir terhadap Indonesia untuk menjadi negara yang diakui dan berdaulat penuh. Hubungan diplomatik ini berlanjutan dengan pembukaan kedutaan Indonesia di kebanyakan Negara Arab yang juga telah mencapai kemerdekaan atau yang tidak pernah dijajah¹⁵.

Dalam tempoh masa yang tidak melebihi 10 tahun setelah Indonesia mencapai kemerdekaan, hubungan diplomatik yang baik ini memberikan kesan yang lebih besar dari segi pengaruh keagamaan yang menyerap masuk ke Indonesia. Kemesraan hubungan ini membentuk hubungan dalam dunia pendidikan dan berlanjutan dengan program pengiriman pelajar-pelajar dari segenap pelosok Indonesia (termasuk dari wilayah Aceh) untuk melanjutkan pelajaran ke

¹³ *Ibid*, h. 7-9

¹⁴ Faisal Ismail, 2011. *Hubungan keagamaan antara Indonesia dan timur tengah pasca kemerdekaan*. Cirebon: Pustaka ilmu. h.42

¹⁵ *Ibid*, h.42

Universiti-universiti di Timur Tengah terutamanya Mesir dan Arab Saudi termasuk juga universiti di Syria¹⁶.

Penyebaran pengaruh fahaman salafi dan tokoh-tokonya dalam kalangan masyarakat pada tahap pasca kemerdekaan Indonesia turut dipengaruhi oleh penubuhan parti *Masyumi* (yang ditubuhkan oleh bekas pelajar Indonesia di Timur Tengah dan sebahagian pendukung NU¹⁷ dan golongan agamawan tempatan gerakan masyumi ini banyak melakukan dakwah penyebaran pemikiran tokoh-tokoh salafi di timur tengah di Indonesia, namun parti ini kemudiannya dibubarkan dan diharamkan pada zaman pemerintahan Presiden Sukarno pada tahun 1960. Pasca pembubaran ini tokoh-tokoh masyumi kemudiannya mendirikan pertubuhan yang dinamakan sebagai Dewan Dakwah Islām Indonesia (DDII) pada tahun 1967 yang banyak berkisar tentang perkara-perkara kemasyarakatan dan kebajikan. DDII kekal sehingga ke hari ini dan pada peringkat awal penubuhan Muhammad Natsir¹⁸ dipilih sebagai ketua. Muhammad Natsir yang pernah belajar di Arab Saudi mempunyai kelebihan dari segi pengenalan dan hubungan dengan beberapa tokoh di Arab Saudi, hal ini dimanfaatkan oleh beliau untuk mendapat sokongan moral dan kewangan untuk menubuhkan gerakan tersebut dan memudahkan lagi proses penyebaran pemikiran tokoh-tokoh salafi di Indonesia¹⁹.

Peringkat Pemerintahan Orde Baru

Peringkat kedua pula yang mana hubungan antara Negara-negara arab terutamanya Arab Saudi dan Indonesia mengalami peningkatan dan penambahbaikan sejak Raja Faisal Bin Abdul Aziz melawat Indonesia pada tahun 1970 iaitu zaman pemerintahan Presiden Suharto. Hal ini membuka peluang kepada pengaruh keagamaan yang diamalkan di Arab Saudi untuk dibawa masuk ke Indonesia²⁰. Pada era tersebut bertambah peningkatan secara drastik yang menyaksikan kemasukan besar-besaran pelajar Indonesia menuntut ilmu keagamaan di universiti-universiti di Arab Saudi, khasnya di universiti Islām Madinah yang mana Shaykh al-Albāni merupakan salah seorang jemputan utama pensyarah di universiti tersebut pada zaman pemerintahan Raja Faisal Bin Abdul Aziz. Antara lain pelajar Indonesia mendapat tawaran tajaan penuh daripada kerajaan Arab Saudi. Secara langsung atau secara tidak langsung hal-hal tersebut menyumbang kepada pengenalan dengan al-Albāni, dan sekembali ke tanah air mereka membawa pemikiran tokoh ini pulang ke Indonesia²¹.

Meskipun wujud banyak sekatan yang dikenakan terhadap gerakan-gerakan Islām Pada masa Orde lama dan berterusan hingga ke zaman pemerintahan orde Baru, namun DDII (Dewan Dakwah Islāmiyah Indonesia) diasaskan dengan jayanya pada tahun 1967 seperti mana yang telah dijelaskan di atas, telah menjadi NGO yang paling bertanggung jawab dalam membawa pengaruh salafi dan al-Albani berkembang di Aceh atau Indonesia secara umum. Setelah

¹⁶ Ibid, h. 8

¹⁷ Nahdatul Ulama' satu kumpulan ulama'-ulama tempatan beraliran sederhana yang menjunjung tinggi amalan-amalan agama yang mesra dengan amalan tradisional. (KH. Achmad Siddiq (1980) *Khittah Nahdliyyah*. Surabaya: Balai Pustaka. h.24)

¹⁸ Beliau pernah terlibat dalam penubuhan OIC dan pernah menjadi ketua Liga Muslim Sedunia (The Muslim world league) dan pernah menjadi salah seorang jawatan kuasa akademi fiqh Islam dan bekas pengerusi Partai Masyumi. (Insan Fahmi Siregar (2013), *Sejarah Pertumbuhan dan Perkembangan Partai Masyumi (1945-1960)* Jurnal Thaqafiyat. Vol. 14 No. 1 h.5)

¹⁹ Muhammad Hisyam, 2010. Anatoma Konflik Dakwah Salafi di Indonesia: Jakarta: Lembaga Ilmu Pengetahuan Indonesia, Jurnal Harmoni. Vol. 11 No.33 h. 34

²⁰ Moh.Ikhsan (2006), *gerakan salafi modern di Indonesia*. Jakarta: Universitas Indonesia. h. 5

²¹ Ibid

kejatuhan Regim Orde lama kemudian disusuli kejatuhan order Baru pada 1998, DDII memainkan peranan yang lebih aktif selain bergerak dalam hal-hal berkaitan sosial, DDII sangat bergiat aktif untuk menghantar pelajar Indonesia menuntut ilmu ke Timur Tengah khususnya pada permulaan tahun 1980an terdapat 7 orang dihantar oleh DDII yang mendapat sokongan penuh daripada kerajaan Arab Saudi termasuk beberapa NGO seperti Rābithah ‘Alam Islāmi, LSM Kuwait di Indonesia, Jum’iyah Ihya’ al-Turāth al-Islāmiyah, dan Yayasan Majlis al-Turath al-Islāmiyah memberikan biasiswa penuh daripada Universiti Islām Madīnah bagi pelajar yang terpilih dan layak²².

Selepas Kejatuhan Orde Baru

Setelah kejatuhan regim orde baru, 7 orang yang dihantar oleh DDII tersebut telah kembali ke Indonesia dan memulakan penyebaran pengaruh fahaman mereka terhadap pelajar-pelajar tempatan yang bermula di beberapa daerah di pulau Jawa yang kemudian disebarkan ke beberapa wilayah dan daerah lain di seluruh Indonesia dengan menumpukan lembaga-lembaga pendidikan yang terdapat pengajian Islām ataupun bukan beraliran Islām termasuk universiti-universiti seluruh Indonesia²³. Kemudian dakwah tersebut diteruskan oleh murid-murid yang terpengaruh dengan dakwah mereka dalam untuk menyebarkan dakwah salafi yang mereka pelajari. Adapun wilayah Aceh menerima pengaruh salafi dan al-Albani setelah dilawati oleh Abu Nida’ yang melawat Institut Agama Islām Negeri (IAIN) al-Raniry pada awal tahun 1990an yang juga satu-satunya institusi pengajian Islām aliran modern yang paling lama terdapat di Aceh. Tujuan lawatan itu adalah untuk berdakwah berkaitan akidah yang berpaksikan akidah salaf serta berkempen menilai kembali status sesebuah hadīth yang beredar dalam masyarakat²⁴.

Peringkat setelah kejatuhan regim Orde baru tersebut juga telah menyaksikan pelajar-pelajar Indonesia dari pelbagai pelosok dan daerah di Indonesia termasuk pelajar dari wilayah Aceh yang sangat konservatif dan hanya menerima aliran aqidah al-Asya’irah dan al-Maturidiyyah dan feqah bermazhab al-Imam al-Syafie mula melanjutkan pendidikan ilmu agama di negara-negara Arab dengan lebih bebas terutamanya di Arab Saudi²⁵. Mereka akhirnya terpengaruh dengan gerakan salafi yang mana Shaykh al-Albāni dianggap mencorakkan aliran salafi modern dan beliau juga dianggap sebagai salah seorang tokoh penting aliran ini sehingga ke hari ini sehingga ramai dalam kalangan pengikut aliran salafi pada hari ini mengandalkan al-Albāni khususnya dalam bidang hadīth selain beliau juga merupakan seorang pensyarah mata pelajaran hadith di Universiti Islam Madinah²⁶.

Selain itu pengaruh al-Albani juga dapat dilihat pada peringkat ini semakin kuat iaitu melalui pendakwah-pendakwah dan agamawan-agamawan salafi yang kebiasannya mengutip potongan-potongan hadīth dari *Sahīh Bukhari* dan *Sahīh Muslim* tanpa menyebut kedudukan hadīth tersebut kerana telah maklum tentang keSahīhan hadīth-hadīth yang terdapat dalam kedua-dua kitab tersebut, namun selain hadīth Bukhari dan Muslim mereka akan menyebut kedudukan hadīth yang telah ditakhrij oleh Shaykh al-Albāni, Hal ini telah menjadikan nama

²² Chris Chaplin, 2014. *Imagining the land of the two holy mosques: The social and doctrinal importance of Saudi Arabia in Indonesia Salafi Discourse*. Austria: Austrian Journal of South-East Asian Studies. Vol. 7 No 2 h. 220.

²³ Moh. Ikhsan. 2006. *gerakan salafi modern di Indonesia*. Jakarta: Universiti Indonesia. h.8

²⁴ *Ibid*, h. 9

²⁵ Aden Rosadi, 2015, *Gerakan Salaf*, Jurnal: Toleransi: Media Komunikasi Umat Beragama Vol.7, No.2 h.

²⁶ Ubaidillah, 2012. *Global salafism dan pengaruhnya di Indonesia*. Indonesia: Jurnal Thaqafiyat. Vol.13 No.1 h. 45

Shaykh al-Albāni mula dikenali di wilayah Aceh dan pengaruhnya mula bertapak dalam kalangan masyarakat²⁷.

Faktor Penyebaran Pengaruh Al-Albāni di Aceh Indonesia:

Terdapat berberapa faktor utama yang menyumbang ke arah penyebaran pengaruh Shaykh al-Albāni di Aceh, Indonesia:

Faktor Tajaan Pengajian

Dewan Dakwah Islām Indonesia (DDII) telah mengirim pelajar ke beberapa Negara timur tengah terutamanya Arab Saudi dan menuntut ilmu di Universiti Islām Madinah serta universiti-universiti lain di Negara tersebut. Pada peringkat awal penubuhan DDII telah menghantar pelajar 7 orang pelajar yang dikategorikan sebagai berkualiti dan mengikut syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh pihak jawatan kuasa pemilihan, mereka ialah Abu Nida', Ahmad Asifuddin, Aunurrafiq Ghufra, Yazid Abdul Qadir Jawwaz, Abdul Hakim Abdat, Muhammad Umar al-Sewed, Ahmad Fais Asifuddin dengan mendapat tajaan penuh²⁸.

Pengaruh salafi dan tokohnya seperti Shaykh al-Albāni lebih mudah tersebar disebabkan faktor ekonomi yang dihadapi oleh kebanyakan pelajar di Indonesia terutamanya penuntut ilmu agama yang berasal dari luar Bandar kebanyakannya berpendapatan sangat rendah serta agak mustahil untuk melanjutkan pengajian di luar negara. Selain itu penduduk Indonesia yang berjumlah 250 juta pada tahun 1990an agak susah mendapat tajaan pendidikan serta persaingan yang sengit dalam kalangan pelajar, kerana biasiswa yang ditawarkan terhad dan juga terdapat pilih kasih daripada pihak penaja²⁹. Oleh itu apabila para pelajar mendapat tawaran biasiswa daripada pihak luar negara terutamanya Arab Saudi untuk meneruskan pengajian, mereka akan menerima biasiswa atau tajaan pengajian tersebut dengan senang hati dan akan membuatkan mereka mudah terpengaruh dengan apa jua fahaman yang cuba diserapkan kepada mereka³⁰. Selain tawaran biasiswa daripada Arab Saudi, pelajar-pelajar Indonesia juga mendapat tawaran biasiswa daripada pelbagai Negara-negara Arab teluk lainnya seperti Qatar, Kuwait, dan Bahrain. Selain Negara teluk, Libya dan Maghribi juga menawarkan tajaan penuh kepada Pelajar Indonesia yang terpilih untuk melanjutkan pengajian di Negara mereka³¹.

Faktor Tokoh

Demi menjamin kelangsungan penyebaran aliran salafi di Indonesia yang akhirnya akan membawa pengaruh salah seorang tokoh utama mereka iaitu Shaykh al-Albāni, DDII mengambil langkah dengan meningkatkan jumlah pelajar yang dihantar ke timur tengah dari tahun ke tahun, dan hanya dikhususkan untuk belajar ilmu agama yang ditargetkan untuk menyerap dan mempelajari aliran salafi serta mendalami manhaj salaf sebagai asas utama, dan juga ilmu berkaitan hadīth yang menjadi instrumen utama dalam penyebaran manhaj salafi³².

²⁷ Faisal Ismail, 2011. *Hubungan keagamaan antara Indonesia dan timur tengah pasca kemerdekaan*. Cirebon: Pustaka ilmu. h.249

²⁸ Muhammad Hisyam, 2010. *Anatoma Konflik Dakwah Salafi di Indonesia*: Jakarta: Lembaga Ilmu Pengetahuan Indonesia, Jurnal Harmoni. Vol. 11 No. 33 h.35

²⁹ Ahmad Lc, 2012. *Strategi Mubaligh Salafi dalam politik dan dakwah di Indonesia*. Jakarta: Lembaga Ilmu Pengetahuan Indonesia, Jurnal Harmoni vol.2 No.2 h.57

³⁰ Hasbi Aswar, 2016. *Politik Luar Negara Arab Saudi Dan ajaran Salafi-Wahabi Di Indonesia*. Yogyakarta: Jiesira: The Journal of Islamic Studies and International Relations. Vol.1 No 4 h.16

³¹ *Ibid*. h.18

³² Muhammad Asrap, 2001. *Praktek keagamaan di Indonesia (tinjauan terhadap kaum Muhammadiyah di pulau sumatera)*, Palembang: Percetakan Sahabat. h.103

Ketika berada di Arab Saudi dan Negara-negara arab lain mereka banyak didedahkan dengan manhaj salaf dan tokoh-tokoh utama salafi seperti Shaykh Muhammad Soleh al-Uthaimin, Abdul aziz bin Baz, dan Shaykh Muhammad nasir al-Din al-Albāni , yang mana tokoh-tokoh tersebut banyak mencorakkan gerak kerja dakwah aliran salafi agar berkembang dengan lebih pesat ke seluruh dunia pada era modern. Oleh sebab itu pihak universiti banyak memberikan perhatian yang lebih kepada pelajar-pelajar yang datang dari Negara-negara yang mana aliran salafi masih dianggap kurang tetapi jumlah penduduk agak besar, seperti Indonesia agar manhaj salafi lebih tersebar luas³³.

Pelajar-pelajar yang akhirnya dianggap tokoh salafi Indonesia tersebut kemudiannya terpengaruh dengan pemikiran Shaykh al-Albāni kerana pernah belajar secara langsung dengan beliau ketika menjadi tenaga pengajar di Universiti Islām Madinah. Ketika berada di Madinah Shaykh al-Albāni tidak hanya menumpukan proses pengajaran dalam kelas sahaja, bahkan proses belajar-mengajar berlaku juga di luar kelas seperti di bawah pokok-pokok kurma, rumah beliau dan di mana-mana sahaja yang difikirkan sesuai untuk penyampaian ilmu, oleh itu kesan pengaruh pengajaran beliau terhadap para pelajar sangat dalam dan kuat. Pelajar Indonesia yang dihantar ke Universiti Islām Madinah juga juga tidak melepaskan peluang mendampingi Shaykh al-Albāni untuk mendalami pelbagai cabang ilmu yang disampaikan terutamanya dalam bidang hadīth yang menjadi kepakaran utama beliau, yang mana metode pengajaran sedemikian dapat membentuk ketokohan mereka dengan lebih berkesan³⁴.

Terdapat beberapa bekas pelajar Indonesia di timur tengah yang terkemuka dan memainkan peranan penting sebagai perintis dakwah Salafi di Indonesia yang dicorakkan semula oleh shaykh al-Albāni. Mereka ialah Abu Nida' yang merupakan graduan Universiti Imam Muhammad al-Saud Riyadh. Selain beliau Ja'far Umar Thalib yang mengasaskan dan menguruskan pondok Ihya' al-Sunnah terletak di Yogyakarta yang pernah menerima pendidikan di Pakistan dan banyak melibatkan diri dalam latihan ketenteraan melalui mujahidin di Afghanistan dan kemudian melanjutkan pengajian di Yaman. Ketika berada di Yaman Ja'far Umar Thalib mendalami ilmu Islām, khususnya manhaj Salafi dan ilmu hadīth di bawah bimbingan Shaykh Muqbil bin Hadi al-Wadi'e yang merupakan murid Shaykh al-Albāni. Oleh itu pengaruh yang diserapkan oleh Shaykh Muqbil al-wadi'e kepada Ja'far Umar Thalib juga merupakan pengaruh shaykh al-Alani itu sendiri secara tidak langsung. Tokoh salafi Indonesia seterusnya yang berpengaruh ialah Yazid Abdul Qadir Jawwaz yang bergerak di daerah Bogor, demikian juga Abdul hakim Abdat yang aktif di Jakarta, Ahmad Fais Asifuddin yang bergerak di daerah Solo dan Muhammad Umar al-Sewed juga di daerah Solo. Melalui merekalah pengaruh Shaykh al-Albāni berkembang di Indonesia, termasuk wilayah Aceh melalui murid-murid mereka³⁵.

³³ Ahmad Lc, 2012. *Strategi Mubaligh Salafi dalam politik dan dakwah di Indonesia*. Jakarta: Lembaga Ilmu Pengetahuan Indonesia, Jurnal Harmoni vol.2 No.2 h.61

³⁴ Andy Dermawan (2013), *Dialektika dakwah, politik dan gerakan keagamaan kontemporer (telaah pemikiran nasir al-Din al-Albani dan pengaruhnya dalam pembentukan salafy kontemporer)*, Yogyakarta: Jurnal Dakwah. Vol.14 No.2 h.162

³⁵ Moh.Ikhsan. 2006. *gerakan salafi modern di Indonesia*. Jakarta: Universiti Indonesia.h.9

Penubuhan Institusi Pendidikan

Selain penghantaran pelajar ke timur tengah, Muhammad Natsir telah mencetuskan idea penubuhan Institut Lembaga Ilmu Pengetahuan Islām Arab (LIPIA) yang terletak di Jakarta sebagai satu institusi pendidikan memainkan peranan penting dalam penyebaran fahaman salafi dan penyebaran pengaruh pemikiran Shaykh al-Albāni dan tokoh-tokoh salafi lain. LIPIA juga telah membuka peluang kepada Pelajar-pelajar seluruh Indonesia termasuk Aceh yang layak untuk belajar di lembaga pendidikan ini yang tidak dapat peluang belajar di timur tengah dengan diberikan beasiswa penuh dari Arab Saudi. Para pensyarah di LIPIA kebanyakannya berasal dari Timur Tengah, khususnya Saudi dan Mesir dan diserap juga beberapa bekas pelajar Indonesia lepasan universiti-universiti di sekitar Arab Saudi yang berkemampuan untuk mengajar dalam bahasa arab yang berfahaman salafi seperti Abu Nida', Ahmad Asifuddin, Aunurrafiq Ghufuran, Yazid Abdul Qadir Jawwaz, Abdul Hakim Abdat, Muhammad Umar al-Sewed, dan Ahmad Fais Asifuddin³⁶.

LIPIA atau nama asalnya Lembaga Bahasa Arab (LBA) yang kemudian dinaikan taraf menjadi Lembaga Ilmu Pengetahuan Islām dan Bahasa Arab (LIPIA) seperti dikenali sekarang adalah sebuah lembaga pendidikan setaraf universiti di Arab Saudi, manakala dari segi silibus pelajaran di lembaga LIPIA diambil daripada Universiti Imam Muhammad as-Saud, Riyadh. Hal-hal yang berkaitan dengan ilmu hadīth pula banyak mengambil pandangan shaykh al-Albāni dalam hadīth khususnya untuk menentukan status hadith selain imam-imam hadīth terdahulu³⁷.

Selain penubuhan LIPIA, pelajar-pelajar dari Aceh dan dari wilayah-wilayah di Indonesia lain yang telah menyelesaikan pengajian di institusi-institusi pengajian tinggi dan ma'had-ma'had di Arab Saudi dan Negara-negara timur tengah lain, mereka kembali ke tanah air dan menjadi agamawan di daerah masing-masing serta menjadi agamawan dengan membawa pelbagai gelaran seperti Lc bagi pemegang ijazah sarjana muda, MA bagi pemegang ijazah sarjana dan peringkat Doktor Falsafah. Terdapat dalam kalangan mereka yang menjadi pensyarah universiti, pendakwah bebas, dan bergabung dengan pondok-pondok yang sudah sedia ada untuk menjadi tenaga pengajar, dan terdapat juga dalam kalangan mereka yang mengasaskan pondok-pondok baharu untuk menyebarkan ilmu dan pengaruh aliran salafi yang telah mereka pelajari semasa berada di negara timur tengah sama ada secara terang-terangan mahupun sembunyi-sembunyi kerana tekanan yang agak berat yang dilakukan oleh tokoh agamawan tempatan beraliran tradisional terhadap mereka, mahupun secara terang-terangan³⁸. (Hajam, 2014:268)

Penubuhan institusi-institusi pendidikan di wilayah Aceh secara khusus juga agak rancak digerakkan oleh bekas-bekas pelajar yang menuntut ilmu di Timur Tengah. Penubuhan institusi-institusi yang sedemikian memberi peluang kepada masyarakat tempatan menuntut ilmu dan mendengar kepelbagaian pemikiran dan pandangan yang selari dengan al-Quran dan hadīth. Sejak sekian lama masyarakat di wilayah Aceh tidak mendengar pendedahan tentang hadīth dari segi Sahīh, da'if dan pelbagai istilah-istilah yang diguna pakai dalam ilmu hadīth.

³⁶ Mubin, 1997. Aliran keagamaan baru di Nusantara. (perbandingan antara pesantren kaum tradisional dan modern). Bandung: CV Pustaka sinar ilmu. h.71-72

³⁷ Irham, 2016. *Pesantren manhaj Salafi: Pendidikan Islam Model baru di Indonesia*. Jakarta: Jurnal Ulul al-Albab. Vol 17 No 1 h. 11

³⁸ Dr. Hajam, M.Ag, 2014. *Pemahaman Keagamaan Pesantren Salafi (Studi Komparatif pondok pesantren As-Sunnah Kalitanjung dan al-Muttaqin Gronggong Kab.Cirebon)*. Indonesia: Jurnal Holistik vol. 15 No 2. h.268

Institusi-institusi tersebut bertanggung jawab membawa pengaruh salafi dan tokohnya Shaykh al-Albāni sebagai rujukan utama dalam permasalahan yang berkaitan dengan ilmu hadīth³⁹.

Aceh adalah sebuah wilayah di Indonesia yang konservatif dan tertutup dalam hal-hal keagamaan yang bersifat luar daripada kerangka fahaman agamawan tempatan yang kuat berpegang dengan Aqidah al-Asya'irah dan Maturidiyyah dalam Aqidah, Mazhab al-Syafie dalam Fiqh, dan al-Ghazali serta Janaid al-Baghdadi dalam tasawwuf. Namun fahaman aliran salafi dan pemikiran al-Albani dapat juga bertapak dan berpengaruh di wilayah tersebut berpunca tawaran biasiswa oleh LIPIA kepada pelajar-pelajar Aceh untuk melanjutkan pelajaran di LIPIA. Setiap tahun terdapat puluhan pelajar yang dikeluarkan oleh lembaga pendidikan tersebut yang akhirnya menjadi pendukung salafi dan mereka mempersoalkan fahaman agamawan tempatan yang dinilai tidak memandang serius terhadap amalan-amalan agama yang tidak bertepatan dengan hadīth-hadīth yang Sahīh atau hasan, dan juga tidak mengambil berat tentang hadīth-hadīth yang tersebar dalam masyarakat yang sebahagiannya dinilai Maudhu' atau dhaif oleh shaykh al-Albāni, oleh itu mereka memulakan kempen untuk menilai semula hadīth-hadīth tersebut dan juga berkempen untuk kembali kepada fahaman salaf al-Soleh dalam berakidah seperti mana yang diserukan oleh Shaykh al-Albāni dan juga tokoh-tokoh salafi yang lain⁴⁰.

Jelaslah di sini bahawa lembaga-lembaga pendidikan seperti LIPIA dan institusi-institusi pengajian lainnya yang didirikan oleh bekas-bekas pelajar yang menuntut ilmu di timur tengah sangat bertanggung jawab dan memberi impak yang besar dalam proses penyerapan menyebarluaskan pengaruh pemikiran Shaykh al-Albāni terhadap agamawan di Aceh, Indonesia.

Terjemahan Karya-Karya Al-Albāni Dalam Bahasa Indonesia

Dalam misi penyebaran dakwah salafi dan penyebaran pengaruh Shaykh al-Albāni di Indonesia, Dewan Dakwah Islāmiyah Indonesia (DDII) memainkan peran penting dalam proses membawa masuk karya-karya beliau dan melakukan penterjemahan agar dapat dimanfaatkan oleh masyarakat Islām di Indonesia yang tidak menguasai bahasa Arab. Penterjemahan tersebut dilakukan oleh bekas murid-murid Shaykh al-Albāni dari Indonesia yang pernah menuntut ilmu daripada beliau, atau melalui murid-murid beliau yang lain. Setelah mereka kembali ke Indonesia kebanyakan mereka mengajar agama Islām dalam pelbagai cabang ilmu, dan ada juga bekerja di lembaga-lembaga *publishing house* sebagai penterjemah, redaksi, editor dan lain-lain tugas dan tanggung jawab yang berkaitan dengan penterjemahan dan penerbitan⁴¹.

Jadual berikut adalah untuk menyenaraikan karya-karya al-Albāni yang telah diterjemahkan ke dalam bahasa Indonesia. Manakala dari segi pembahagian bidang penulisan dan karya ilmiah yang telah dihasilkan oleh Shaykh al-Albāni yang telah diterjemah dapat disimpulkan seperti berikut:

³⁹ Mukhtar Muhammad.Daud. 2004. *Hadits dan pengaruhnya terhadap santri di pondok pesantren modern*.Lampung: Pustaka Karya Agung. H. 83-84

⁴⁰ Zaenal Abidin, 2009. *Tindak Anarkis terhadap kelompok salafi di Lombok Barat, Nusa Tenggara Barat*. Jakarta: Lembaga Ilmu Pengetahuan Indonesia, Jurnal Harmoni. vol.8 no31 h.178

⁴¹ Zuly Qodir, 2008. *Gerakan Salafi Radikal Dalam Konteks Islam Indonesia (Tinjauan Sejarah)*. Indonesia: Jurnal Islamica. Vol.3 No.1 h.12

Bidang Hadīth

No	Tajuk asal buku	Terjemahan dalam bahasa Indonesia	Penterjemah	Penerbit di Indonesia	Tempat dan tahun terjemahan
1	Sahīh al-Jāmi' al-Shaghīr	Sahīh al-Jāmi' al-Shaghīr	- Imran Rosadi - Andi Arlin	Najla Press	Jakarta Selatan: 2004
2	Tarāju'at al-Shaykh al-Albāni	Tarāju'at al-Shaykh al-Albāni	Abdul munawwir	Pustaka Azzam	Jakarta selatan: 2003
3	Sahīh at-Targhīb wa al-Tarhīb	Hadits-hadits Sahīh Tentang ajaran, janji pahala, ancaman & dosa.	- Izzuddin Karim, Lc - Mustofa Aini, MA - Khalid Salim Hudi, Lc	Pustaka Sahifa	Jakarta: 2007
4	Sahīh Sunan Tirmidzi	Seleksi Hadits Sahīh Dari Kitab Sunan Tirmizi	- Izzuddin Karim, Lc - Mustofa Aini, MA - Khalid Salim Hudi, Lc	Pustaka Sahifa	Jakarta: 2007
5	Silsilah al-Ahādīth al-Daifah wa al-Maudū'ah wa Atsaruhā al-Sayyi' fi al-Ummah	Silsilah Hadīts Dha'if dan Maudhu'	Drs. As'ad Yasin	Gema Insani	T.T dan T.T
6	Irwā' al-Ghalil fi takhrij ahadīth manar al-Sabil.	Tela'ah Kritis Terhadap Matan Hadits Kitab Manar as-Sabil	- Khairun Na'im M Lc - Diana Maszkur	Najla Press	Jakarta: 2003
7	al-Hadīth Hujjatun Binafsihi fī al-Aqīdah wa al-Ahkām.	Hadits Sebagai Landasan dan Hukum	Muhammad Irfan Zein	Pustaka azzam	Jakarta selatan: 2002
8	Tamām al-Minnah	Hadits Sebagai Landasan dan Hukum	Afifuddin	Maktabah salafi press	Tegal: 2002

9	Silsilah al-Ahādith al-Sahīhah wa syaiun min fiqhiha wa fawaidiha	Silsilah Hadits Sahīh	Drs. Qadirun Nur	Cv. Pustaka mantiq	Solo:1996
10	Mukhtasar Sahīh imam Muslim	Ringkasan Sahīh Imam Muslim	Drs. As'ad Yasin	Pustaka Azzam	Jakarta: T.T
11	Mukhtasar Sahīh imam bukhari	Ringkasan Sahīh Imam Bukhari	Drs. As'ad Yasin	Pustaka as-Sunnah	Jakarta: T.T
12	Ahādith al-Sunan al-Arba'ah	Hadits Palsu Dalam Kitab 4 Sunan	- Ali Bawazeer - Mahfudz	Pustaka as-Sunnah	Jakarta: 2006
13	al-Maudu'ah Da'if al-Tarhib wa al-Tarhib	Hadits-Hadits Dha'if Tentang Ajaran dan Janji Pahala, Ancaman&Dosa.	- Izzuddin Karim, Lc - Mustofa Aini, MA - Khalid Salim Hudi, Lc	Pustaka Sahifa	Jakarta: 2007

Bidang kepakaran Shaykh al-Albāni adalah dalam bidang hadīth, Namun ada juga disiplin-disiplin ilmu lain yang mendapat sentuhan ilmiah beliau⁴². Sebahagian sahaja tulisan-tulisan ilmiah tersebut telah diterjemah ke dalam bahasa Indonesia seperti yang telah dipaparkan dalam jadual di atas.

Sejak tahun 1996 hingga tahun 2007 terdapat 13 karya al-Albāni dalam bidang hadīth diterjemahkan kedalam bahasa Indonesia, manakala tahun 2007 sebanyak 3 buku al-Albāni telah diterjemah. Selain itu terdapat 9 penerbit yang menerbitkan karya-karya terjemahan tersebut. Terdapat 15 orang yang menterjemah kitab-kitab al-Albāni dalam bidang hadīth. Adapun Jakarta sebagai tempat yang paling banyak menerbitkan karya-karya beliau, diikuti wilayah solo dan tegal masing-masing menerbitkan 1 terjemahan kitab al-Albāni.

⁴² Akmaluddin, 2011. *Muslim dan Tanggung Jawab terhadap dakwah*, Cirebon: Pustaka ilmu. h.71

Bidang Fiqh

No	Tajuk asal buku	Terjemahan dalam bahasa Indonesia	Penterjemah	Penerbit di Indonesia	Tempat dan tahun
1	Jilbab al-Mar'ah al-Muslimah	Hijab Wanita Muslimah	Hidayati	Media hidayah	T.T:2002
2	al-Ajwibah Nafi'ah 'An Lajnati Masjid al-Jami'ah	Jawaban Penting Seputa Shalat juma'at	Abu Umar Basyir al-Maidani	Al-Qowam	Solo:2002
3	Tahrim Ālāt al-Dharb	Polemik seputar lagu dan musik	Abu Umar Basyir al-Maidani	Dar al-Haq	Jakarta:2002
4	Solātu al-Tarawīh fi dhaui al-Sunnah	Shalat Tarawih Menurut Tuntunan Rasulullah.	Yoga Permana	Pustaka at-Tibyan	T.T:2001
5	Ahkam al-Janāiz	Tuntunan Lengkap Mengurus Jenazah	Abbas Muhammad Basalamah	Gema Insani Press	Jakarta:1999
6	Sifat Solāti al-Nabi	Sifat Solat Nabi	Abu zakaria al-Atsary	Grilya Ilmu	Jakarta:2007
7	Adab al-Zifāf	Cincin Pinangan	- Ahmad Rivai Usman - Abdul Syukur Abdul Razak	Najla Press	Jakarta Selatan:2002
8	al-Rad al-Mufhim	Hukum Cadar	AbuShafiya	Media Hidayah	Yogyakarta:2002
9	Hijab al-Mar'ah wa Libasuha fi al-Solah	Hijab dan Pakaian Wanita Muslimah Dalam Sholat	Hawin Murtadho	At-Tibyan	Solo:2000
10	Hajjatun Nabi SAW	Haji Nabi (Sejak Berangkat Dari Madinah Hingga Kembali Seakan Anda Menyertainya)	Abu Umar Basyir al-Maidani	Al-Qawam	Solo:2000
11	Solāt al-'īd	Shalat 'īd di Tanah Lapang	Yoga Permana	Pustaka Istiqomah	1996s

Selain disiplin ilmu hadīth, bidang fiqh juga antara salah satu disiplin ilmu yang mendapat perhatian Shaykh al-Albāni disebabkan oleh kepentingan ilmu ini yang banyak berkisar tentang tata cara kehidupan seseorang. Peranan beliau dalam bidang ini ialah *mentakhrij*, *mentahqiq*, dan *manta'liq* dalil-dalil fiqh yang terdapat dalam karya-karya sarjana terdahulu dan juga menghasilkan karya fiqh beliau sendiri yang tulin. oleh sebab itu karaya-karaya beliau dalam fiqh agak mendapat perhatian perterjemah Indonesia walaupun terdapat beberapa kitab beliau yang belum diterjemah⁴³.

Sejak tahun 1996 hingga tahun 2007 penterjemahan kitab-kitab Shaykh al-Albāni dalam bidang Fiqh terdapat 11 terjemahan. Tahun 2002 menunjukkan paling banyak penterjemahan karya-karya al-Albāni dalam bidang Fiqh iaitu 5 karya. Selain itu terdapat 8 penerbit dan 9 penterjemah yang menerbitkan dan menterjemahan karya-karya fiqh tersebut. Adapun Jakarta tempat penerbitan 6 terjemahan diikuti wilayah solo 3 dan Yogyakarta 2 penerbitan.

Bidang Aqidah					
No	Tajuk asal	Terjemahan dalam bahasa Indonesia	Penterjemah	Penerbit di Indonesia	Tempat dan tahun
1	Qishash al-Masīh al-dajjāl wa Nuzūl isa ‘alaihi al-Salām wa qatluhu iyyāhu fi akhiri al-Zaman	Nabi isa VS dajjal	- Abdul kadir ahmad - Syahrullah iskandar	Pustaka azzam	Jakarta: 2002
2	al-Ayātu al-Bayināt fi adami sama‘i al-Amwat	Mayit tidak mendengar	Ali murtadho syahudi	Pustaka A	Jakarta: 2003
3	Raf‘ul athar li ibtali al-qawlain bi fanā’ al-Nūr	Perbedaan ulama salaf dan khalaf tentang keabadian neraka	Kamran	Pustaka Azzam	JakartaSelatan: 2004
4	Tahzīr al-Sājid Min Ittikhazi al-Qubūr masājid	Peringatan penting!! menggunakan kuburan sebagai masjid.	Yoga Permana	Al-maktab al-Islāmi	Jakarta:2008

Selain bidang hadīth, dan kemudian diikuti bidang fiqh yang merupakan ilmu yang penting bagi seseorang muslim dalam menjalani kehidupan harian, bidang aqidah juga menjadi antara topik utama yang al-Albāni sentuh, sehingga beliau menjadi antara rujukan dalam bidang aqidah salafi⁴⁴. Oleh itu terdapat beberapa karya-karya beliau yang telah diterjemah ke dalam bahasa Indonesia seperti mana yang dipaparkan dalam jadual di atas.

Sejak tahun 2002 hingga tahun 2008 penterjemahan kitab-kitab Shaykh al-Albāni dalam bidang Aqidah terdapat 4 karya, selain itu terdapat 4 penerbit yang menerbitkan karya-karya terjemahan tersebut, tambahan kepada fakta tersebut terdapat 5 orang penterjemah

⁴³ Ibid, h.72

⁴⁴ Ibid

menterjemah kitab-kitab hadīth karya al-Albāni, adapun Jakarta menjadi tempat yang paling banyak menerbitkan karya-karya beliau.

No	Tajuk asal buku	Tajuk terjemahan dalam bahasa Indonesia	penterjemah	Penerbit di Indonesia	Tempat dan tahun terbitan
1	al-Manhāj al-Salafi ‘inda Nasir al-dīn al-Albāni	Shaykh al-Albāni dan Manhaj Salaf	Abbas Muhammad Basalamah	Gema Islāmi	Jakarta: 1999
2	Haqīqatu al-Biaā wal-kufr	Hakikat Bid’ah dan Kufur	Abu Salma	Pustaka Azzam	Jakarta: 1993
3	Maqālāt al-Albāni	Risalah Ilmiah al-Albāni	Abu Musyrifah - Ummu Afifah	Pustaka Azzam	Jakarta: 2004

Pemikiran Islām

Bidang pemikiran juga tidak terlepas daripada perhatian beliau, bidang ini penting bagi seseorang tokoh ilmuwan kerana masyarakat boleh menilai manhaj tokoh tersebut dalam cara berfikir dan pegangan dalam berprinsip⁴⁵. (Akmaluddin, 2011:74) Oleh itu penterjemah juga mengambil peluang tersebut untuk menterjemah karya-karya al-Albāni dalam bidang manhaj. Sejak tahun 1993 hingga tahun 2004 penterjemahan kitab-kitab Shaykh al-Albāni dalam bidang pemikiran Islām terdapat 3 karya, selain itu terdapat 3 penerbit yang menerbitkan karya-karya terjemahan tersebut, tambahan kepada fakta tersebut terdapat 5 orang penterjemah yang menterjemah kitab-kitab dalam pemikiran Islām karya al-Albāni. Adapun Jakarta tempat yang menerbitkan karya-karya beliau dalam bidang pemikiran Islām ini.

No	Tajuk asal buku	Tajuk Terjemahan dalam bahasa indonesia	Penterjemah	Penerbit di Indonesia	Temat dan tahun
1	Hazihi dakwatuna	Inilah seruan kita	Ummu Abdullah al-buthoniyah	Media hidayah	Media hidayah
2	Kaīfa yajib ‘alaina annufassir al-Quran	Tanya jawab dalam memahami al-quran	Abdul Rahman	At-tauhid	T.T : Solo
3	Al-amru bi al-Ma’rūf wa al-Nahyu bi al-Munkar.	Kode etik amar ma’ruf nahi mungkar	- Mubarak B.M Bamuallim Lc.	Pustaka imam asy-syafi’i	T.T dan T.T

⁴⁵ Ibid, h.74

Bidang Dakwah

Dakwah merupakan satu tugas yang tidak dapat dielakkan oleh seseorang muslim yang bertanggung jawab terhadap agamanya⁴⁶. Oleh itu bidang dakwah ini juga menjadi salah satu keutamaan dalam penulisan karya ilmiah Shyakh al-Albāni, kerana dakwah salafiyyah yang tersebar di Syria sekitar tahun 1950an adalah kebanyakannya hasil usaha dakwah yang dilakukan oleh beliau. Selain berdakwah di lapangan yang dikira sebagai amali, beliau juga menghasilkan menghasilkan karya ilmiah agar menjadi panduan untuk generasi akan datang⁴⁷.

Oleh itu berdasarkan jadual di atas dapat dilihat bahawa hanya terdapat 3 kitab yang telah diterjemah ke dalam bahasa Indonesia pada tahun 2000 dan semuanya diterbitkan di Jakarta, manakala terdapat 2 kitab terjemahan tanpa tahun terbitan. Selain itu terdapat 3 penerbit dan penterjemah yang menerbitkan karya-karya terjemahan dalam bidang dakwah tersebut.

Secara umumnya, buku-buku terjemahan disenaraikan menunjukkan kewujudan pengaruh al-Shaykh al-Albāni di Indonesia yang tersebar ke seluruh pelosok negara termasuk wilayah Aceh yang masih kental dengan tradisi pondok yang menentang aliran salafi. Pustaka Azzam merupakan penerbit yang banyak menerbitkan buku-buku terjemahan tersebut. Tahun 2002 dicatatkan sebagai tahun yang paling banyak diterbitkan buku-buku terjemahan Shaykh al-Albāni. Buku-buku ini tersebar dalam masyarakat dan digunakan oleh semua lapisan termasuklah agamawan.

Kesimpulan

Berdasarkan perbincangan di atas, dapat disimpulkan bahawa pengaruh Shaykh Muhammad Nasir al-Din al-Albāni tersebar ke Aceh, Indonesia mengalami beberapa fasa. Fasa pertama adalah sezaman dengan penyebaran pengaruh awal salafi di Arab Saudi. Kemudian fasa seterusnya semasa kemunculan tokoh-tokoh beraliran salafi seperti Jamal al-Dīn al-Afghāni. Fasa seterusnya adalah berkembang selepas Indonesia mencapai kemerdekaan dan lebih berkesan kerana mempunyai hubungan diplomatik dengan Negara-negara arab yang menjadi medan dakwah Shaykh al-Albāni. Manakala fasa seterusnya adalah setelah kejatuhan orde baru iaitu setelah kejatuhan kepimpinan presiden Suharto pada tahun 1998 kerana gerakan-gerakan Islām memperoleh kebebasan yang amat meluas dalam menyampaikan dakwah masing-masing. Selain itu dapat dirumuskan juga bahawa faktor penyebaran melalui pelajar Indonesia yang menuntut ilmu di timur tengah menjadi punca utama dalam penyebaran pengaruh pemikiran tokoh hadīth tersebut dan seterusnya menyebarkannya di tanah air termasuk di Aceh seperti yang dilakukan oleh Abu Nida'. Selain itu juga penerimaan pelajar tersebut terhadap pemikiran Shaykh al-Albāni yang banyak berasaskan kembali kepada al-Quran dan hadith sahih menjadi semakin mudah. Selain faktor yang disebutkan di atas semasukan pengaruh Shaykh al-Albāni banyak juga dipengaruhi oleh penubuhan pertubuhan-pertubuhan seperti DDII yang menggerakkan program-program sosial dan kemasyarakatan selain dakwah salafi. Penubuhan institusi-institusi pendidikan yang bercorakkan aliran salafi dan pengajian hadīth dijadikan tunggak utama dalam sukatan pelajaran juga menyumbang kepada penyebaran pengaruh dengan lebih meluas. Selain itu penterjemahan karya-karya Shaykh al-Albāni kedalam bahasa Indonesia dan tersebar luas dalam masyarakat dan dijual di kedai-kedai buku menjadi antara penyebab besar yang membawa kepada kemasukan pengaruh pemikiran Shaykh al-Albāni ke Indonesia dan Aceh secara khususnya.

⁴⁶ Rahman . A, 1997. *Salafi dan Ilmu (satu analisis terhadap pengikut salafi jawa barat)*, Bandung: pustaka ilmu islam. H.32

⁴⁷ Akmaluddin, op.cit h.75

Rujukan

- Hamdan Amri (2009), *Penyelesaian paham salafi di NAD (Nanggroe Aceh Darussalam)*. Lhokseumawe: Cv:Berkat.
- Abd Karim (2013), *Peran al-Albāni dalam tashhih dan tadh'if hadis (penerimaan terhadap al-Albāni dalam kalangan pondok pesantren tradisional di Indonesia)*. Jakarta: serambi ilmu.
- Faqihuddin (2009), *Fenomena penetapan status hadīth oleh aliran modern*, Jakarta Timur: Pustaka al-Kauthar.
- M. Nazir (2003), *Metode Penelitian*. Jakarta: Ghalia Indonesia.
- Ubaidillah (2012), *Global salafism dan pengaruhnya di Indonesia*. Indonesia: Jurnal Thaqaifiyat. Vol. 13 No.1.
- Faizah, 2012. *Intisari ajaran salafi di Indonesia (satu analisa kemasukan pengaruh pemikiran tokoh-tokoh salafi di nusantara)*. Yogyakarta: jurnal dakwah. Vol.5. No.33.
- Faisal Ismail, 2011. *Hubungan keagamaan antara Indonesia dan timur tengah pasca kemerdekaan*. Cirebon: Pustaka ilmu.
- KH. Achmad Siddiq (1980) *Khittah Nahdliyyah*. Surabaya: Balai Pustaka.
- Insan Fahmi Siregar (2013), *Sejarah Pertumbuhan dan Perkembangan Partai Masyumi (1945-1960)* Jurnal Thaqaifiyat. Vol. 14 No. 1.
- Muhammad Hisyam, 2010. *Anatoma Konflik Dakwah Salafi di Indonesia*: Jakarta: Lembaga Ilmu Pengetahuan Indonesia, Jurnal Harmoni. Vol. 11 No.33 h. 34
- Moh.Ikhsan (2006), *gerakan salafi modern di Indonesia*. Jakarta: Universitas Indonesia. h. 5
- Chris Chaplin, 2014. *Imagining the land of the two holy mosques: The social and doctrinal importance of Saudi Arabia in Indonesia Salafi Discourse*. Austria:Austrian Journal of South-East Asian Studies.Vol. 7 No 2
- Aden Rosadi, 2015, *Gerakan Salaf*, Jurnal: Toleransi: Media Komunikasi Umat Beragama Vol.7, No.2
- Ubaidillah, 2012. *Global salafism dan pengaruhnya di Indonesia*. Indonesia: Jurnal Thaqaifiyat. Vol.13 No.1
- Faisal Ismail, 2011. *Hubungan keagamaan antara Indonesia dan timur tengah pasca kemerdekaan*. Cirebon: Pustaka ilmu.
- Muhammad Hisyam, 2010. *Anatoma Konflik Dakwah Salafi di Indonesia*: Jakarta: Lembaga Ilmu Pengetahuan Indonesia, Jurnal Harmoni.Vol. 11 No. 33.
- Hasbi Aswar, 2016. *Politik Luar Negara Arab Saudi Dan ajaran Salafi-Wahabi Di Indonesia*. Yogyakarta: Jiesira: The Journal of Islāmic Studies and International Relations.Vol.1 No 4.
- Muhammad Asrap, 2001. *Praktek keagamaan di Indonesia (tinjauan terhadap kaum Muhammadiyah di pulau sumatera)*, Palembang: Percetakan Sahabat.
- Ahmad Lc, 2012. *Strategi Mubaligh Salafi dalam politik dan dakwah di Indonesia*. Jakarta: Lembaga Ilmu Pengetahuan Indonesia, Jurnal Harmoni vol.2 No.2.
- Andy Dermawan (2013), *Dialektika dakwah, politik dan gerakan keagamaan kontemporer (telaah pemikiran nasir al-Din al-Albāni dan pengaruhnya dalam pembentukan salafy kontemporer)*, Yogyakarta: Jurnal Dakwah. Vol.14 No.2
- Mubin, 1997. *Aliran keagamaan baru di Nusantara*. (perbandingan antara pesantren kaum tradisional dan modern). Bandung: CV Pustaka sinar ilmu.
- Irham, 2016. *Pesantren manhaj Salafi: Pendidikan Islām Model baru di Indonesia*. Jakarta: Jurnal Ulul al-Albab. Vol 17 No 1

- Dr. Hajam, M.Ag, 2014. *Pemahaman Keagamaan Pesantren Salafi (Studi Komparatif pondok pesantren As-Sunnah Kalitanjung dan al-Muttaqin Gronggong Kab.Cirebon)*. Indonesia: Jurnal Holistik vol. 15 No 2.
- Mukhtar Muhmmad.Daud. 2004. *Hadits dan pengaruhnya terhadap santri di pondok pesantren modern*.Lampung: Pustaka Karya Agung.
- Zaenal Abidin, 2009. *Tindak Anarkis terhadap kelompok salafi di Lombok Barat, Nusa Tenggara Barat*. Jakarta: Lembaga Ilmu Pengetahuan Indonesia, Jurnal Harmoni. vol.8 No31.
- Zuly Qodir, 2008. *Gerakan Salafi Radikal Dalam Konteks Islām Indonesia (Tinjauan Sejarah)*. Indonesia: Jurnal Islāmica. Vol.3 No.1
- Akmaluddin, 2011. *Muslim dan Tanggung Jawab terhadap dakwah*, Cirebon: Pustaka ilmu.
- Rahman . A, 1997. *Salafi dan Ilmu (satu analisis terhadap pengikut salafi jawa barat)*, Bandung: pustaka ilmu Islām.